

Soal kedudukan PM di Parlimen tidak berbangkit

UM 25 JUN 2002
KUALA LUMPUR 24 Jun — Persoalan mengenai kedudukan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sebagai ketua kerajaan di Parlimen tidak berbangkit sama sekali, kata Speaker Dewan Rakyat, Tun Mohamed Zahir Ismail.

Beliau berkata, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sudah mengumumkan bahawa Perdana Menteri bersetuju menarik balik pengumuman beliau melepaskan jawatan dalam UMNO dan Barisan Nasional (BN).

“Beliau (Dr. Mahathir) akan terus menjadi ketua kerajaan dalam Parlimen. Sama ada penarikan itu boleh diterima atau tidak bukanlah menjadi satu persoalan kerana perkara itu sudah diumumkan oleh Timbalan Perdana Menteri.

“Dengan yang demikian pada fikiran saya, ia adalah penarikan yang sah dan boleh dipakai,” katanya kepada pemberita di lobi Parlimen, hari ini.

Beliau diminta mengulas tindakan beberapa wakil pembangkang mempersoalkan kedudukan Dr. Mahathir sebagai ketua kerajaan berikutan pengumuman mengejut Perdana Menteri pada Perhimpunan Agung UMNO, Sabtu lalu.

Husam Musa (Pas-Kubang Kerian) berkata, persoalan itu berbangkit kerana Dr. Mahathir tidak membuat sebarang pengumuman secara peribadi menarik balik keputusannya.

Sementara itu, Mohamed Zahir turut ditanya mengenai pengganti Allahvarham Datuk Fadzil Noor sebagai Ketua Pembangkang.

Katanya, beliau akan mendapatkan pandangan semua wakil pembangkang sebelum membuat keputusan kerana jawatan Ketua Pembangkang mewakili semua parti pembangkang dan bukannya Pas sahaja.

Beliau berkata, keputusan hanya dibuat selepas proses mendapatkan pandangan semua parti pembangkang selesai dan beliau sendiri

akan membuat pengumuman di Dewan Rakyat selepas meneliti siapa yang layak dan mendapat sokongan majoriti.

Menurut Mohamed Zahir lagi, tiada tempoh khusus ditetapkan untuk beliau melantik pengganti Ketua Pembangkang.

“Minggu ini tidak sempatlah, barang kali pada mesyuarat akan datang saya boleh mengumumkan nama Ketua Pembangkang... tak ada tempoh waktu khusus,” katanya.

Persidangan Dewan Rakyat sesi ini berakhir Khamis ini.

Ditanya bilakah beliau akan menyatakan kepada Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) mengenai kekosongan kerusi Pendang itu, Mohamed Zahir berkata, beliau perlu mendapatkan sijil kematian Fadzil terlebih dulu.

Katanya, terpulang kepada SPR mengadakan pilihan raya kecil dalam tempoh 60 hari selepas berlaku kekosongan pada kerusi Parlimen Pendang itu.